

# Your favorite newspapers and magazines.

[pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sarawak/20200630/281681142150640](https://pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sarawak/20200630/281681142150640)

## Search Results



KUCHING: Forward School telah memilih Digi Omni Hotline sebagai penyedia talian tetap pejabatnya yang menyediakan pelanggan perkhidmatan perhubungan yang lebih cepat dan mudah untuk menghubungi wakil mereka.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Forward School Howie Chang berkata Forward School akan menggunakan Omni Hotline untuk mengaktifkan talian tetap pejabat jarak jauh pihaknya.

“Ia bagi membolehkan pihaknya menghubungi pelanggan untuk dihubungkan kepada kakitangan pihaknya sambil memberikan masa pemulihan yang lebih cepat dalam memenuhi pertanyaan pelanggan.

“Ia bagi membolehkan pihaknya menghubungi pelanggan untuk dihubungkan kepada kakitangan pihaknya sambil memberikan masa pemulihan yang lebih cepat dalam memenuhi pertanyaan pelanggan.

“Menerusi Omni Hotline,

Forward School tidak lagi bergantung kepada maklum balas melalui media sosial dan perkhidmatan e-mel ketika berkomunikasi dengan pelanggan.

“Forward School mendapati kaedah sebelum ini tidak ideal untuk berkomunikasi dengan pelanggan, terutama ibu bapa yang lebih suka menghubungi nombor dan bercakap dengan wakil pihaknya,” tambahnya menerusi kenyataan itu.

“Forward School mendapati kaedah sebelum ini tidak ideal untuk berkomunikasi dengan pelanggan, terutama ibu bapa yang lebih suka menghubungi nombor dan bercakap dengan wakil pihaknya,” tambahnya menerusi kenyataan itu.

Sistem berasaskan ‘cloud’ itu menawarkan penyediaan mudah tanpa pemasangan perkakasan memberi peluang kepada Forward School untuk mengurus talian ‘hotline’ rasmi perniagaan mereka dari jauh.

Selain pada masa yang sama, memberikan perkhidmatan pelanggan yang komprehensif dan lebih selamat sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan yang memfokuskan pada teknologi digital dan kemahiran masa depan.

Selain pada masa yang sama, memberikan perkhidmatan pelanggan yang komprehensif dan lebih selamat sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan yang memfokuskan pada teknologi digital dan kemahiran masa depan.

“Sebelum menggunakan Hotline Omni, pihak kami menggunakan nombor telefon bimbit peribadi masing-masing yang tidak menunjukkan kredibiliti sebagai sebuah insituti pendidikan.

Sementara itu, Ketua Produk di Digi-X, Pembangunan Usaha Digi Kathryn Lee berkata pihaknya gembira dapat membantu Forward School.

“Dengan Omni Hotline, Forward School kini dilengkapi dengan infrastruktur yang tepat untuk berhubung dengan pelanggan mereka dengan lebih profesional.

“Juga memberikan pengalaman pelanggan yang boleh dipercayai dalam keadaan baharu,” tambahnya.

Untuk maklumat lebih lanjut atau untuk mendaftar ke Omni Hotline, lawati [omnihotline.my](http://omnihotline.my).